

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN  
MALAYSIA



SEKUMPULAN 220 pelajar SPM dari DUN Panti yang menjalani Program Selangkah Pelajar SPM ke Menara Gading di UTHM, Batu Pahat baru-baru ini.

## Calon SPM DUN Panti serta program UTHM



Gambar dan berita yang  
diciarkan dalam Komuniti Kita  
kini boleh diakses di laman web  
[www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my)

**PROGRAM.** Seramai 220 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Panti menyertai Program Selangkah Pelajar SPM ke Menara Gading di Universiti Tun Hussein Onn

Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor baru-baru ini.

Program dua hari melibatkan 83 pelajar lelaki dan 137 pelajar perempuan anjuran Biro Pelajaran Jawatankuasa Penyelaras Mukim-Mukim

(JPMM) DUN Panti itu diadakan bagi mengerakkan lagi hubungan antara pelajar dan UTHM.

Pelbagai aktiviti diadakan termasuk motivasi bagi menanam

minat para pelajar terhadap mata pelajaran serta pendedahan dan teknik menjawab soalan.

Perasmian disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri Panti, Datuk Baderi

Dasuki.

Pengerusi Biro Pelajaran JPMM DUN Panti, Md. Aris Omar berkata, program tersebut bertujuan merangsang pelajar agar mempunyai hala tuju selepas

menamatkan persekolahan.

Katanya, melalui pengalaman di kampus, para pelajar diberi motivasi dan didedahkan tentang cara hidup di menara gading.